



PENARI UMS mengambil gambar kenang-kenangan bersama para peserta lain.

UMS menang Anugerah Khas Juri

UB 16-8-2015 B4

PUTRAJAYA: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Khas Juri dalam Pertandingan Tarian Antarabangsa, 1World Culture : International Students Cultural Festival Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sempena Minggu Pendidikan Tinggi Malaysia 2015.

UMS yang diwakili sembilan pelajar antarabangsa Republik Demokratik Timor Leste dan seorang pelajar tempatan berjaya memukau para juri melalui persembahan gabungan tarian Magunatip dan tarian Pahlawan Masyarakat Timor Leste.

Menerima sorakan gemuruh daripada

para penonton yang hadir, kemenangan itu membolehkan para penari UMS menerima hadiah berupa trofi, wang tunai dan sijil penyertaan.

Anugerah disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Minggu Pendidikan Tinggi Malaysia, Hazally Jali.

Berlangsung di perkarangan letak kereta bangunan Kementerian

Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia kelmarin, pertandingan itu merupakan acara tahunan anjuran bersama KPT dan Nilai University.

Program yang akan berakhir pada Ahad ini turut diserikan dengan pelbagai pengisian termasuk pertandingan nyanyian nusantara dan antarabangsa.